

3,071 masih ditempatkan di 17 PPS

Kuching: Walaupun jumlah mangsa banjir di Sarawak menunjukkan penurunan, namun bilangan mereka yang dipindahkan terutama di Limbang tidak berubah sejak semalam.

Setakat jam 9 malam tadi, jumlah mangsa masih ditempatkan di 17 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) seramai 3,071 orang membabitkan 866 keluarga.

Taburan hujan tinggi di utara Sarawak membabitkan daerah Lawas menyebabkan 1,216 mangsa daripada 302 keluarga masih ditempatkan di enam pusat pemindahan.

Empat pusat pemindahan yang dibuka di Limbang menempatkan 1,047 mangsa daripada 345 keluarga manakala Lawas membabitkan



ANTARA kanak-kanak yang ditempatkan di pusat penempatan sementara.

196 mangsa daripada 44 keluarga.

Jurucakap Majlis Keselamatan Negara (MKN) Sarawak berkata, bahagian Samarahan masih mencatat mangsa banjir tertinggi daripada keseluruhan lima ba-

hagian di negeri ini yang terjejas, namun bilangan itu menurun berbanding lebih 3,000 mangsa sebelum ini.

"Kuching mencatat penurunan ketara apabila hanya tinggal 379 mangsa dari 111 keluarga masih ditempatkan

di PPS, sementara Samarahan 1,270 mangsa daripada 389 keluarga.

"Mukah mencatat peningkatan apabila merekodkan 83 mangsa daripada 27 keluarga dan Miri, 123 mangsa babit 37 keluarga," katanya.